

Profil Kecerdasan Emosi Sosial Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Kota Kinabalu, Sabah

Lailawati Madlan @ Endalan, Abdul Adib Asnawi, Chua Bee Seok, dan Jasmine Adela Mutang
Universiti Malaysia Sabah

Rosnah Ismail
Cyberjaya University College of Medical Sciences
DOI: <https://doi.org/10.51200/jpks.v1i1.6743>

Penting untuk mengetahui tahap kecerdasan emosi sosial khususnya dalam kalangan pelajar sekolah kerana ia memberi kesan jangka panjang ke atas prestasi mereka. Maka, objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui profil kecerdasan emosi sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah. Di samping itu, kajian ini turut mengenal pasti sekiranya terdapat perbezaan umur bagi kesemua domain kecerdasan emosi sosial. Sampel kajian adalah seramai 503 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar tingkatan satu hingga tingkatan enam. Sementara, alat kajian yang digunakan adalah *the Emotional Quotient Inventory Youth Version* (EQ-i:YV) yang direka oleh Bar-On dan Parker yang mengandungi sebanyak 60 item. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan IBM SPSS Statistics versi 22. Hasil keputusan daripada kajian ini menunjukkan bahawa profil bagi domain interpersonal dan mood umum secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Manakala, profil bagi domain yang selebihnya seperti intrapersonal, pengurusan stres, adaptasi pula secara keseluruhannya adalah berada tahap sederhana. Sementara itu, bagi profil kecerdasan emosi sosial secara keseluruhannya berada tahap sederhana. Dari segi perbezaan umur bagi kesemua domain kecerdasan emosi sosial pula menunjukkan wujudnya perbezaan yang signifikan bagi aspek umur bagi domain interpersonal dan mood umum. Hasil daripada kajian ini secara tidak langsung memberi implikasi kepada pengkaji akan datang khususnya yang ingin menjalankan kajian berkaitan kecerdasan emosi sosial atau yang memberi fokus kepada domainnya dalam kalangan pelajar sekolah.

Kata kunci: kecerdasan emosi sosial, pelajar, sekolah menengah

Kesedaran mengenai kepentingan kecerdasan emosi sosial telah lama disadari oleh ramai penyelidik sama ada dalam bidang kesihatan, sosial, pendidikan, mahupun organisasi. Hal ini demikian kerana aspek emosi dilihat merupakan salah satu potensi yang dimiliki oleh setiap individu (Saemah, Noriah, Zuria & Ruslin, 2008) iaitu boleh diajar, dipelajari, dipertingkatkan (diperkembangkan) atau dikekalkan (Entezar, Nooraini, Azlina, & Ghanbaripناه, 2013; Goleman, 1995; Salovey & Mayer, 1990), dan ini telah dibuktikan melalui hasil dapatan kajian lepas yang telah dilakukan oleh ramai pengkaji (seperti Azizi Yahaya & Yusof Boon, 2005; Bar-On & Parker, 2000; Cherniss & Adler, 2000; Domitrovich, Cortes, & Greenberg, 2007; Entezar *et al.*, 2013; Greenberg, 2008; Nelis, Quoidbach, Mikolajczak, & Hansenne, 2009; Weisinger, 1998).

Konsep asas kecerdasan emosi ini sebenarnya telah wujud sejak abad ke-20 melalui Edward Thorndike, yang mana beliau pada awalnya telah memperkenalkan tentang konsep kecerdasan sosial (*social intelligence*) (Zirkel, 2000). Sejak itu banyak kajian yang memberi tumpuan kepada penerangan yang menentukan dan menilai aspek emosi dan sosial tingkah laku. Menurut Salovey dan Mayer (1990) kecerdasan emosi ditakrifkan sebagai sub set kecerdasan sosial yang melibatkan keupayaan untuk memantau perasaan dan emosi diri sendiri dan orang lain, dapat membezakan emosi di antara mereka, serta menggunakan maklumat tersebut untuk memandu pemikiran dan tindakan mereka. Sementara itu, Goleman (1995) pula mendefinisikan kecerdasan emosi sebagai

kebolehan seseorang untuk menguruskan perasaan yang mereka nyatakan dengan betul dan berkesan, membolehkan orang ramai untuk bekerjasama dengan lancar ke arah matlamat bersama. Bagi Bar-On (1997) kecerdasan emosi sosial didefinisikan sebagai kepelbagaian kebolehan bukan kognitif, kecekapan, dan kemahiran yang mempengaruhi keupayaan seseorang untuk berjaya dalam menghadapi tuntutan dan tekanan di sekeliling. Weisinger (1998) pula menjelaskan kecerdasan emosi sebagai kecerdasan dalam menggunakan emosi. Beliau mencadangkan bahawa kecerdasan emosi juga membolehkan individu untuk mendapatkan hasil yang positif dalam menggunakan emosi untuk mengawal tingkah laku mereka.

Berdasarkan hasil dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa kecerdasan emosi yang tinggi dapat meningkatkan kesihatan mental dengan mengurangkan kadar kemurungan dan stres sosial (Ruiz-Arand, Sactilo, Salquero, Cabello, Fernandez-Berrocal, & Balluerka, 2012), kadar penggunaan alkohol dan merokok yang rendah (Trinidad & Johnson, 2002), dapat memberi tumpuan dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberi (Noriah, Siti Rahaya, Zuria, Mansor, & Sara, 2001), mempunyai hubungan sosial yang mantap (Mayer, Perkins, Caruso, & Salovey, 2001), menjadi peramal kepada kepuasan hidup dan peningkatan positif dalam interaksi dengan rakan dan keluarga (Maria, Lee, Samsilah, & Maznah, 2015) serta rendahnya tahap masalah tingkah laku dalaman seperti kebimbangan akademik, kemurungan dan stres dan rendahnya tahap masalah tingkah laku luaran seperti marah dan delinkuen (Liau, Liau, Teoh, & Liau, 2003).

Sebaliknya, kecerdasan emosi yang rendah pula mempunyai impak kesignifikan berkaitan dengan masalah tingkah laku seperti agresif dan kemurungan (Liau *et al.*, 2003; Parker, Taylor, Eastabrook, Schell, & Wood, 2008), kurang kemampuan dalam mengendalikan stres secara efektif (Dady dlm Abdul Adib, Lailawati & Agnis, 2017), tingginya penggunaan dadah dan alkohol, serta penglibatan dalam tingkah laku devian seperti pergaduhan fizikal dan vandalisma (Maria, *et al.*, 2015), menunjukkan tingkah laku bimbang dan perasaan tidak selesa apabila melaksanakan tugas yang diberi, tidak dapat berfungsi dalam kehidupan dengan baik dan tidak dapat membina potensi diri secara optima (Saemah *et al.*, 2008), menjadi seorang yang lebih berpusatkan pada diri sendiri dan kurang sikap empati terhadap orang lain (Erasmus, 2007) serta penggunaan strategi daya tindak maladaptif (Homauni Masoumeh, Mariani Mansor, Siti Nor Yaacob, Mansor Abu Talib, & Sara, 2014).

Justeru, pentingnya kecerdasan emosi ini khususnya dalam kalangan pelajar sekolah kerana ia secara tidak langsung memberi kesan jangka panjang ke atas prestasi seseorang individu (Saemah *et al.*, 2008). Jika dilihat dalam sistem pendidikan di Malaysia, aspek emosi merupakan salah satu domain yang ditekankan daripada empat domain lain iaitu jasmani, rohani, intelek dan sosial (Kementerian Pelajar Malaysia, 2008). Salah satu sebab aspek emosi ditekankan dalam sistem pendidikan kerana, kajian lepas menjelaskan pelajar-pelajar yang tidak dibelai dengan faktor-faktor emosi oleh guru dan juga ibu bapa didapati tidak dapat melakukan proses pembelajaran secara optimum, dan didapati juga mereka mudah resah serta tidak dapat memberikan tumpuan yang baik semasa belajar (Saadi, Honarmand, Najarian, Ahadi, & Askari, 2012). Maka dengan itu, aspek kecerdasan emosi menjadi salah satu yang berkepentingan dan ia perlu diperkembangkan sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan modal insan yang seimbang dan harmoni.

Permasalahan Kajian

Kepentingan emosi dalam perkembangan seseorang individu khususnya dalam kalangan pelajar mula mendapat perhatian serius dewasa ini. Hal ini lantaran daripada kecerdasan emosi itu sendiri yang dilihat memainkan peranan penting terhadap personaliti dan prestasi seseorang pelajar (Abdul Malek Rahman *et al.*, 2009; Saemah *et al.*, 2008). Oleh yang demikian, perkembangan emosi menjadi salah satu daripada lima domain yang menjadi penekanan penting dalam pendidikan di Malaysia. Hal ini diperkukuhkan lagi apabila Goleman (1995) menjelaskan bahawa kejayaan seseorang itu banyak bergantung kepada kecerdasan emosi berbanding dengan kecerdasan intelek yang dimiliki oleh seseorang. Hal ini kerana kecerdasan emosi (EQ) dijelaskan menyumbang sebanyak 80 peratus dalam kehidupan seseorang dan selebihnya disumbangkan oleh kecerdasan intelek (IQ) (Goleman, 1995).

Kajian lepas juga menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar yang berdepan dengan cabaran emosi, menunjukkan ketidakupayaan mengurus tingkah laku dan lebih terdedah dengan masalah sekolah (Goleman, 1995). Hal ini disokong berdasarkan laporan dan isu yang dikeluarkan oleh media

massa di Malaysia yang mana terdapat beberapa kes menunjukkan keagresifan atau tingkah laku negatif dalam kalangan remaja di sekolah. Misalnya, kes dilaporkan oleh Astro Awani tentang pelajar dibelasah senior sekolah agama di Pendang (Astro Awani, 20 April 2015). Belasah junior: lapan pelajar MRSM Balik Pulau (Bernama, 28 Oktober 2014). Sementara, Utusan Malaysia pula melaporkan pelajar 16 tahun maut disepak senior (Muhafandi Muhammad, 12 Mei 2015), pelajar lelaki dakwa cedera angkara buli (Opat Rattanachot, 30 Oktober 2014) dan pelajar perempuan dakwa dibuli (Utusan Malaysia, Februari 2015). Berdasarkan isu atau kes seperti ini, dapat disimpulkan bahawa wujudnya kepincangan emosi dalam kalangan pelajar dan perkara ini perlu diambil serius.

Justeru kajian yang berkaitan dengannya adalah perlu. Hal ini kerana, bukan sahaja untuk memahami status tahap kecerdasan emosi pelajar pada masa kini, bahkan juga untuk membantu mereka mengawal masalah ledakan emosi terutamanya bagi pelajar yang mempunyai kecenderungan untuk bertindak agresif agar mereka tidak meluahkan ledakan emosi mereka dalam bentuk yang tidak sepatutnya. Oleh yang demikian, pengenalpastian profil kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah seharusnya dilakukan untuk mengetahui tahap kecerdasan emosi mereka. Hal ini kerana, ia mempunyai kesan jangka masa panjang terhadap perkembangan seseorang pelajar (Saemah *et al.*, 2008). Di samping itu, pengkaji melihat hasil dapatan kajian ini kelak akan sangat bermanfaat kepada ramai pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Misalnya, hasil dapatan ini akan dapat membantu golongan pendidik untuk memahami kekuatan serta kelemahan yang dimiliki oleh pelajar berdasarkan tahap kecerdasan emosi mereka. Selain itu, hasil kajian ini juga amat berguna kepada golongan ibu bapa kerana ia secara tidak langsung menjadi cerminan kepada pendekatan gaya keibubapaan yang diaplikasikan oleh mereka dalam membesarkan anak-anak yang akhirnya turut memberi kesan kepada perkembangan kecerdasan emosi remaja sekolah pada hari ini (Abdul Adib *et al.*, 2017).

Begitu juga yang melibatkan perkembangan kecerdasan emosi remaja. Hal ini kerana tahap perkembangan kecerdasan emosi sosial manusia adalah dipengaruhi oleh pelbagai faktor dan salah satunya adalah faktor peningkatan usia. Menurut Baltes, Reese dan Nesselroad (1977), apabila umur meningkat, evolusi perubahan pada diri seseorang manusia akan berlaku dalam bentuk fizikal, emosi, moral dan kognitif. Perkembangan ini dialami bermula sejak dari lahir dan perkembangan tersebut akan meningkat seiring dengan peningkatan usia. Meskipun begitu, terdapat hujah yang menjelaskan bahawa tidak semua perkembangan akan meningkat seiring dengan peningkatan usia (Berger, 1980). Berdasarkan hujah tersebut, menjadi suatu yang menarik perhatian pengkaji untuk turut meneroka perbezaan tahap perkembangan bagi setiap domain kecerdasan emosi sosial mengikut umur.

Objektif

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti profil kecerdasan emosi sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan:

1. Mengetahui profil domain interpersonal dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.
2. Mengetahui profil domain intrapersonal dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.
3. Mengetahui profil domain pengurusan stres dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.
4. Mengetahui profil domain adaptasi dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.
5. Mengetahui profil domain mood umum dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.
6. Mengetahui profil kecerdasan emosi sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.
7. Mengetahui perbezaan domain kecerdasan emosi sosial mengikut peringkat umur dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu, Sabah.

Metode

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan keratan rentas iaitu melalui pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan melalui borang soal selidik. Satu set borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini diedarkan kepada responden (pelajar sekolah menengah) dalam mengumpulkan data kajian.

Subjek dan Lokasi

Kajian ini menggunakan persampelan rawak mudah dalam pemilihan sampel kajian. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah golongan pelajar di beberapa buah sekolah menengah sekitar Kota Kinabalu, Sabah yang meliputi pelajar tingkatan satu hingga enam iaitu berumur

sekitar 13 hingga 18 tahun. Seramai 503 orang pelajar sekolah menengah telah menjadi responden dalam kajian ini.

Alat Kajian

Kajian ini menggunakan instrumen *The Emotional Quotient Inventory Youth Version* (EQ-i:YV) yang direka bentuk oleh Bar-On dan Parker (2000). Instrumen ini mengandungi sebanyak 60 item yang digunakan untuk mengukur tahap kecerdasan emosi dan tingkah laku sosial dalam kalangan kanak-kanak hingga remaja dari usia tujuh tahun hingga ke 18 tahun. Instrumen ini merupakan versi bagi golongan belia atau remaja yang diadaptasi daripada instrumen asal iaitu *The Emotional Quotient Inventory* (EQ-i) daripada Bar-On (1997). EQ-i:YV mempunyai enam domain dalam aspek kecerdasan emosi sosial yang terdiri daripada intrapersonal, interpersonal, pengurusan stres, adaptasi, mood umum dan pengaruh positif. Namun begitu, bagi domain pengaruh positif dalam kajian ini tidak akan dikaji. Bentuk skor yang digunakan dalam EQ-i:YV adalah menggunakan pemarkatan skala 4 *Likert* (1 - sangat jarang saya rasakan dan 4 - sering saya rasakan).

Penggunaan alat kajian EQ-i:YV dalam kajian ini adalah kerana EQ-i:YV mempunyai komponen (domain) yang tersendiri dan berbeza dengan alat kecerdasan emosi yang lain. Komponen ini lebih spesifik dalam mengukur sesuatu pembolehubah yang bukan hanya berkaitan dengan kecerdasan emosi, bahkan juga dari aspek tingkah laku sosial (Bar-On, 1997). Selain itu, penggunaan alat kajian ini juga telah banyak digunakan oleh pengkaji lepas daripada luar negara (seperti Parker *et al.*, 2004; Siegling, Saklofske, & Petrides, 2014; Windingstand, 2009), tetapi masih kurang digunakan di dalam Malaysia. Maka dengan itu, pengkaji menggunakan alat kajian EQ-i:YV sesuai dengan objektif yang dibina di dalam kajian ini. Alat kajian EQ-i:YV ini juga telah menjalani proses penterjemahan terlebih dahulu oleh pakar psikologi dan bahasa sebelum ia digunakan. Sementara, kebolehpercayaan alat kajian EQ-i:YV bagi sampel dalam kajian ini mencatatkan pekali kebolehpercayaan baik iaitu di tahap tinggi (domain adaptasi = 0.75 dan mood umum = 0.72) dan sederhana (domain interpersonal = 0.68, pengaruh positif = 0.56, pengurusan stres = 0.55, dan intrapersonal = 0.52). Namun, secara keseluruhannya alat kajian EQ-i:YV ini mencatatkan pekali kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.86. Hasil ini diperincikan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1

Taburan Item Mengikut Domain dan Pekali Kebolehpercayaan EQ-I:YV

Domain	Contoh Penyataan	Jumlah item	α
Kecerdasan Emosi Sosial		60	0.86
Interpersonal	Saya dapat memahami perasaan orang lain dengan baik.	13	0.68
Intrapersonal	Saya dapat menceritakan perasaan saya dengan mudah.	6	0.52
Pengurusan stres	Saya boleh bertenang bila perasaan saya sedih.	12	0.55

Adaptasi	Saya menggunakan cara yang berbeza untuk menjawab persoalan yang sukar.	10	0.75
Mood umum	Saya dapat merasakan saat-saat gembira.	13	0.72
Pengaruh positif	Saya menyukai setiap orang yang saya jumpa.	6	0.56

Nota: α - Pekali kebolehppercayaan

Setiap domain yang terdapat di bawah kecerdasan emosi sosial ini mempunyai takrifan yang tersendiri. Berikut merupakan keterangan atau takrifan yang diberikan oleh Bar-On (1997) berkaitan setiap domain kecerdasan emosi sosial berdasarkan teorinya. Bagi domain interpersonal, Bar-On menjelaskannya sebagai berkaitan dengan individu yang boleh memahami emosi orang lain, boleh menjadi pendengar yang baik serta mudah memahami apa yang dirasakan oleh orang lain. Domain intrapersonal pula menjelaskan berkaitan individu yang boleh memahami emosi diri sendiri dan tahu cara untuk mengekspresikan emosinya mengikut keadaan. Sementara itu, bagi domain pengurusan stres dijelaskan sebagai individu yang lebih tenang ketika menghadapi stres dan boleh menghadapinya tanpa berlaku sebarang ledakan emosi. Domain adaptasi pula dijelaskan sebagai individu yang lebih bersikap fleksibel, realistik dan efektif dalam menghadapi sesuatu

perubahan, selalu berpandangan positif dalam apa juga keadaan. Manakala, domain mood umum dijelaskan sebagai individu yang lebih bersikap optimis, selalu berpandangan positif dan mudah mesra. Terakhir iaitu domain pengaruh positif yang dijelaskan sebagai individu yang boleh mencipta suasana yang menyenangkan sama ada kepada dirinya sendiri mahupun terhadap orang lain.

Seterusnya, dari segi penentuan tahap kecerdasan emosi sosial adalah berdasarkan nilai min bagi setiap domain. Penentuan tahap ini adalah berdasarkan nilai min yang diinterpretasi daripada Mohamad Najib (2009). Menurut Mohamad Najib (2009), penentuan tahap terbahagi kepada tiga peringkat iaitu 1.33 ke bawah (tahap rendah), 1.34 hingga 2.67 (tahap sederhana) dan 2.68 dan ke atas (tahap tinggi). Perincian ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2
Penentuan Tahap Bagi Setiap Domain Kecerdasan Emosi Sosial

Tahap	Nilai Min (M)
Rendah	1.33 ke bawah
Sederhana	1.34 – 2.67
Tinggi	2.68 ke atas

Prosedur

Sebelum memulakan kajian, surat kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Dasar Penyelidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) diperolehi terlebih dahulu. Kemudian, surat kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) untuk menjalankan kajian di sekolah sekitar daerah Kota Kinabalu, Sabah. Setelah itu, pengkaji membuat surat permohonan berserta dengan surat kebenaran yang dikeluarkan oleh pihak KPM dan JPNS sebagai rujukan kepada pengetua bagi sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian.

Analisis Data

Fokus kajian ini adalah untuk mengenal pasti profil kecerdasan emosi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan dua jenis ujian statistik iaitu ujian statistik deskriptif dan ujian statistik inferensi. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan IBM SPSS Statistics versi 22. Bagi objektif 1 hingga 6, data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi melihat tahap, kekerapan, peratusan, nilai min dan sisipan piawai bagi kesemua domain kecerdasan emosi sosial. Sementara, bagi objektif 7 pula, data dianalisis menggunakan ujian MANOVA bagi melihat sekiranya terdapat perbezaan umur bagi setiap domain kecerdasan emosi sosial.

Keputusan

Berikut adalah taburan responden dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang terdiri daripada pelajar

tingkatan satu hingga tingkatan enam di sekolah-sekolah sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Taburan responden ini adalah berdasarkan jantina, agama, etnik, dan tingkatan seperti yang tertera pada Jadual 3.

Jadual 3

Taburan Responden Mengikut Jantina, Agama, Etnik dan Tingkatan

Demografi Responden	Kekerapan (N=503)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	321	63.8
Perempuan	182	36.2
Agama		
Islam	468	93.0
Buddha	2	0.4
Kristian	33	6.6
Etnik		
Melayu	68	13.5
Cina	4	0.8
India	5	1.0
Bajau	208	41.4
Dusun	23	4.6
Kadazandusun	18	3.6
Sino	3	0.6
Rungus	15	3.0
Melayu Brunei	42	8.4
Lain-lain	117	23.4
Tingkatan		
Tingkatan 1	137	27.2
Tingkatan 2	177	35.2
Tingkatan 4	132	25.2
Tingkatan 6	57	11.4

Berdasarkan Jadual 3, hasil analisis menunjukkan daripada keseluruhan responden (503 orang), seramai 321 orang (63.8%) adalah terdiri daripada pelajar lelaki, sekaligus merupakan golongan majoriti dalam kajian ini, dan selebihnya 182 orang (36.2) adalah pelajar perempuan. Sementara itu, terdapat tiga jenis agama yang dianuti oleh responden yang terlibat dalam kajian ini. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 468 orang responden (93%) yang menganuti agama Islam, dua orang responden (0.4%) yang menganuti agama Buddha dan sebanyak 33 orang responden (6.6%) yang menganuti agama Kristian. Seterusnya dari segi taburan etnik pula, etnik Bajau merupakan etnik yang paling banyak iaitu sebanyak 208 orang (41.4%), diikuti etnik lain-lain iaitu sebanyak 117 orang (23.4%), etnik Melayu 68 orang (13.5%), etnik Melayu Brunei 42 orang (8.4%), etnik Dusun 23 orang (4.6%), etnik Kadazandusun 18 orang (3.6%), etnik Rungus 15 orang (3%), etnik India 5 orang (1%), etnik Cina dan Sino masing-masing sebanyak empat orang (0.8%) dan tiga orang (0.6%). Taburan mengikut tingkatan pula adalah seramai 137 orang responden (27.2%) dari tingkatan 1, 177 orang responden (35.2%) dari tingkatan 2, 132 orang responden (25.2%) dari tingkatan 4 dan 57 orang responden (11.4%) dari tingkatan 6.

Profil Bagi Domain Kecerdasan Emosi dan Skor Keseluruhan Kecerdasan Emosi Sosial

Berikut merupakan profil bagi domain kecerdasan emosi iaitu interpersonal, intrapersonal, pengurusan stres, adaptasi, mood umum dan skor keseluruhan kecerdasan emosi sosial. Hasil dapatan kajian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4

Profil Bagi Domain Interpersonal, Intrapersonal, Pengurusan Stres, Adaptasi, Mood Umum dan Skor Keseluruhan Kecerdasan Emosi Sosial

Domain Kecerdasan Emosi Sosial	Kekerapan (N=503)	Peratusan (%)	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
Interpersonal				
Rendah	0	0	2.684	.4227
Sederhana	232	53.9		
Tinggi	271	46.1		
Intrapersonal				
Rendah	1	0.2	2.304	.4924
Sederhana	402	79.9		
Tinggi	100	19.9		
Pengurusan Stres				
Rendah	1	0.2	2.488	.3198
Sederhana	378	75.1		
Tinggi	124	24.7		
Adaptasi				
Rendah	4	0.8	2.549	.4750
Sederhana	301	59.8		
Tinggi	198	39.4		
Mood Umum				
Rendah	3	0.6	2.811	.4571
Sederhana	177	35.2		
Tinggi	323	64.2		
Skor Kecerdasan Emosi Sosial				
Rendah	0	0	2.615	.4266
Sederhana	313	62.2		
Tinggi	190	37.8		

Hasil dapatan kajian berdasarkan Jadual 4, menunjukkan bagi domain interpersonal, majoriti responden mempunyai tahap interpersonal yang sederhana (53.9%) dan hampir separuh daripada responden memiliki tahap interpersonal yang tinggi (46.1%). Namun secara keseluruhannya, tahap interpersonal responden berada di tahap yang tinggi (min = 2.684). Seterusnya, dapatan yang sama diperolehi bagi domain intrapersonal iaitu secara majoritinya responden mempunyai tahap intrapersonal yang sederhana (79.9%), tetapi terdapat juga responden yang mempunyai tahap intrapersonal yang tinggi (19.9%) dan juga rendah (0.2%). Secara keseluruhannya, tahap intrapersonal responden adalah berada di tahap sederhana (2.304). Kemudian, bagi domain pengurusan stres juga mempunyai corak yang hampir sama seperti domain intrapersonal. Manakala, tahap pengurusan stres pula secara majoritinya berada di tahap sederhana (75.1%), tetapi terdapat juga responden yang mempunyai tahap pengurusan stres yang baik dengan memiliki tahap pengurusan stres yang tinggi (24.7%) dan terdapat juga yang sebaliknya iaitu tahap pengurusan stres yang rendah (0.2%). Keseluruhan bagi tahap pengurusan stres pula adalah berada di tahap sederhana (min = 2.488).

Bagi domain adaptasi pula, kebanyakan responden mempunyai tahap adaptasi yang sederhana (59.8%). Namun, terdapat juga responden yang mempunyai tahap adaptasi yang tinggi (39.4%) dan begitu juga sebaliknya (0.8%). Secara keseluruhan bagi tahap adaptasi responden

dalam kajian ini adalah berada di tahap yang sederhana (min = 2.549). Sementara bagi domain mood umum, hasil dapatan kajian menunjukkan kebanyakan responden mempunyai tahap mood umum yang tinggi (64.2%), diikuti dengan mood umum di tahap sederhana (35.2%) dan rendah (0.6%). Secara keseluruhannya tahap mood umum adalah berada di tahap tinggi (min = 2.811). Terakhir, bagi skor kecerdasan emosi sosial responden secara majoritinya adalah berada di tahap sederhana (62.2%) dan terdapat juga responden yang mempunyai tahap kecerdasan emosi sosial yang tinggi (37.8%). Namun, secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian menunjukkan skor keseluruhan responden dalam kecerdasan emosi sosial adalah berada di tahap yang sederhana (min = 2.615).

Jadual 5
Perbezaan Domain Kecerdasan Emosi Sosial Mengikut Peringkat Umur

Pillai's Trace	Value = 0.61 f = 2.747 Hyp df = 24.000 Error df = 4240.000 Sig. = .000					
Domain Kecerdasan Emosi Sosial	1	2	3	4	5	6
Test of between-subject Effects	df = 2, 500 f = 8.185 Sig. = .000** R ² = .030	df = 2, 500 f = .443 Sig. = .778 R ² = .002	df = 2, 500 f = .950 Sig. = .434 R ² = .004	df = 2, 500 f = 1.448 Sig. = .216 R ² = .005	df = 2, 500 f = 2.787 Sig. = .025* R ² = .010	df = 2, 500 f = .771 Sig. = .544 R ² = .003
Umur	(M)	(M)	(M)	(M)	(M)	(M)
13 tahun	2.68	2.29	2.51	2.67	2.87	2.43
14 tahun	2.68	2.33	2.53	2.59	2.85	2.37
15 tahun	2.64	2.31	2.45	2.54	2.70	2.37
16 tahun	2.76	2.29	2.50	2.62	2.88	2.40
18 tahun	2.97	2.25	2.45	2.65	2.97	2.40

Nota: ** k<.01, * k<.05, (M) – Nilai min

1 – Interpersonal, 2 – Intrapersonal, 3 – Pengurusan stres, 4 – Adaptasi, 5 – Mood umum, 6 – Pengaruh positif.

Secara keseluruhannya, berdasarkan Jadual 5 keputusan *Multivariate Pillai's Trace* menunjukkan bahawa terdapat perbezaan secara signifikan mengikut umur ke atas enam domain kecerdasan emosi sosial [$F(2, 500) = 2.75, k < .05$]. Hal ini menjelaskan bahawa umur merupakan faktor perbezaan bagi domain interpersonal, intrapersonal, pengurusan stres, adaptasi, mood umum dan pengaruh positif dalam kalangan remaja di Kota Kinabalu, Sabah.

Namun berdasarkan hasil dapatan analisis ujian MANOVA yang dilakukan, secara spesifiknya menunjukkan hanya terdapat dua domain yang berbeza secara signifikan mengikut umur iaitu domain interpersonal [$F(2, 500) = 8.19, k < .05$] dan mood umum [$F(2, 500) = 2.79, k < .05$]. Keputusan ini menunjukkan bahawa umur seseorang remaja mempengaruhi kecerdasan emosi mereka dari aspek interpersonal dan mood umum. Dengan merujuk kepada skor min yang diperolehi bagi kedua-dua domain ini, didapati remaja yang lebih dewasa mempunyai kemahiran interpersonal (13 tahun & 14 tahun = 2.68, 15 tahun = 2.64, 16 tahun = 2.76, 18 tahun = 2.97) dan mood umum (13 tahun = 2.87, 14 tahun = 2.85, 15 tahun = 2.70, 16 tahun = 2.88, 18 tahun = 2.97) yang lebih baik berbanding remaja yang lebih muda. Walau bagaimanapun, faktor umur hanya menyumbang sebanyak 3 peratus kepada interpersonal dan 1 peratus kepada mood umum dalam kalangan remaja.

Perbincangan

Kajian ini memberi tumpuan terhadap profil kecerdasan emosi sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Kota Kinabalu. Selain itu, kajian ini juga turut melihat profil bagi lima domain kecerdasan emosi sosial Bar-On iaitu interpersonal, intrapersonal, pengurusan stres, adaptasi dan mood umum. Kajian sampingan yang turut dikaji oleh pengkaji adalah melihat perbezaan pelajar lelaki dan perempuan terhadap kecerdasan emosi mereka. Hasil

analisis menunjukkan bahawa tahap bagi interpersonal secara keseluruhan adalah berada di tahap yang tinggi. Berdasarkan kajian Abdul Malek *et al.*, (2009) menjelaskan bahawa seseorang yang mempunyai tahap interpersonal yang tinggi digambarkan sebagai seorang yang suka membina hubungan dengan orang lain, mudah menjalinkan persahabatan dan dapat mempamerkan perasaan kasih sayang terhadap orang lain. Bar-On (1997) pula menjelaskan seseorang yang mempunyai kemahiran interpersonal yang baik akan mempunyai corak komunikasi yang baik, mampu membina hubungan dengan orang lain, mudah berempati dan berkemahiran dalam melaksanakan tanggungjawab sosial.

Sementara itu, bagi tahap intrapersonal pula, menunjukkan bahawa secara keseluruhannya adalah berada di tahap sederhana. Kemahiran intrapersonal adalah keupayaan kognitif seseorang untuk memahami dan mengenali diri sendiri. Individu yang mempunyai kemahiran intrapersonal dapat mengenali diri sendiri secara mendalam serta mempunyai tanggapan tentang kekuatan dan kelemahan diri sendiri. Keadaan ini menjadikan mereka mempunyai keyakinan diri yang tinggi terhadap kebolehan diri sendiri, boleh menentukan hala tuju kehidupan dan mempunyai prinsip serta azam yang kuat dan boleh berdikari (Azizi Yahaya & Yusuf Boon, 2005). Sebaliknya, individu yang mempunyai tahap intrapersonal yang rendah pula secara tidak langsung turut memberi kesan kepada penghargaan sendiri, kawalan sendiri, kemahiran berkomunikasi, kemahiran membuat penyesuaian dan kemahiran emosi remaja sosial (Hamidah, 2013). Manakala bagi domain pengurusan stres, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengurusan stres adalah berada di tahap sederhana. Jelas Bar-On & Parker (2000) pengurusan stres ini adalah berkaitan dengan kemampuan seseorang untuk berhadapan dengan tekanan atau stres. Seseorang yang mempunyai pengurusan stres yang baik akan mampu menghadapi tekanan dengan tenang dan boleh menumpukan perhatian atau tetap

memberi fokus terhadap apa yang sedang dia lakukan, menghadapi konflik emosi dengan baik, pengendalian impuls merupakan salah satu kemampuannya untuk menahan dan menunda keinginan untuk bertindak.

Sama seperti domain intrapersonal dan pengurusan stres, domain adaptasi juga menunjukkan berada di tahap sederhana. Menurut Saemah *et al.*, (2008), adaptasi atau regulasi sendiri adalah merujuk kepada keupayaan individu menguruskan emosinya dalam melaksanakan kerja agar lebih mudah dan tidak mengganggu tugas tersebut. Misalnya, dapat menenangkan diri dengan cepat, dan boleh menyesuaikan diri dengan mudah dalam pelbagai situasi. Sementara, Bar-On dan Parker (2000) pula menjelaskan adaptasi adalah suatu kemampuan bersikap realistik, mudah beradaptasi, mudah menyelesaikan masalah yang muncul dan fleksibel. Kesemua sikap ini membantu seseorang yang mempunyai adaptasi yang baik untuk menerima sesuatu kenyataan dan menyesuaikan pemikiran mengikut keadaan yang berubah-ubah atau tidak konsisten. Seterusnya adalah mood umum, yang mana tahap mood umum secara keseluruhannya adalah berada di tahap tinggi. Mood umum dijelaskan sebagai keadaan hati secara umum yang berkaitan dengan optimistik dan kebahagiaan dalam diri. Optimistik merupakan suatu kemampuan untuk mempertahankan sikap positif realistik yang sulit. Sementara itu, kebahagiaan pula adalah kemampuan untuk bersyukur kehidupan, menghargai diri sendiri dan orang lain, serta suka dengan kegiatan yang dilakukan pada ketika ini (Bar-On & Parker, 2000). Oleh yang demikian, seseorang yang mempunyai tahap mood umum yang tinggi dijelaskan sebagai seorang yang sentiasa berfikir positif, kerap merasa bahagia dan sentiasa bersyukur dengan apa yang dimiliki sekarang.

Bagi tahap kecerdasan emosi sosial pula, hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhannya adalah berada di tahap sederhana. Hasil dapatan ini adalah sama dengan hasil dapatan kajian-kajian yang telah dilakukan khususnya di Malaysia (Abdul Malek *et al.*, 2009; Saemah *et al.*, 2008). Berdasarkan kajian ini juga, pengkaji berpendapat agar golongan pelajar ini perlu diberi bimbingan atau intervensi yang sesuai dalam meningkatkan lagi tahap kecerdasan emosi sosial mereka. Hal ini kerana, dengan tahap kecerdasan emosi sosial yang sederhana mendorong pelajar masa kini untuk terlibat dengan aktiviti-aktiviti negatif atau masalah sosial hasil daripada kurangnya kemahiran dalam mengenal dan mengawal emosi mereka. Hal ini dibuktikan melalui laporan yang dikeluarkan oleh media massa mengenai keterlibatan pelajar dengan perkara-perkara yang tidak bermoral (Astro Awani, 20 April 2015; Utusan Malaysia, 14 Februari 2015). Justeru, pihak yang terlibat seharusnya memandang serius perkara ini dan mengambil tindakan yang sepatutnya.

Manakala perbezaan kecerdasan emosi sosial mengikut umur pula adalah signifikan bagi komponen interpersonal dan juga mood umum. Dapatan hasil kajian ini menunjukkan bahawa semakin meningkat umur seseorang maka semakin baik kemahiran interpersonal dan juga mood umum individu berkenaan. Keputusan ini secara tidak langsung menyokong pernyataan Baltes *et al.*, (1977) yang menjelaskan bahawa tahap perkembangan seseorang individu akan meningkat seiring dengan peningkatan umur mereka. Hal ini kerana kemahiran seperti empati,

tanggungjawab sosial dan juga hubungan interpersonal akan menjadi lebih baik seiring dengan proses sosialisasi individu berkenaan daripada masa ke semasa. Menurut Bar-On (1997) empati adalah merupakan kemahiran individu untuk memahami, menyedari dan peka terhadap pelbagai perasaan dan pengalaman orang lain. Oleh yang demikian, semakin luas sosialisasi seseorang maka secara tidak langsung kepekaan dirinya terhadap orang lain juga akan bertambah. Begitu juga dengan tanggungjawab sosial, semakin banyak seseorang itu terlibat dengan program khidmat masyarakat maka dapat memupuk nilai positif yang juga merupakan inti pati terhadap pengukuhan jati diri seseorang. Semakin seseorang menjadi bertambah matang maka jati dirinya juga akan berubah sesuai dengan keadaan persekitaran yang dilaluinya. Misalnya keupayaan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang akan menjadi pengalaman seterusnya pengajaran untuk membuat lebih baik pada masa akan datang. Hal yang demikian dianggap sebagai optimis dan kepuasan terhadap apa yang diperolehi akan bergantung pada individu berkenaan yang juga berhubung kait dengan jati dirinya.

Kesimpulan

Secara umumnya, kajian ini mendapati bahawa tahap kecerdasan emosi sosial dalam kalangan pelajar sekolah menengah adalah berada di tahap sederhana. Bagi domain interpersonal dan mood umum adalah berada pada tahap tinggi. Manakala, selebihnya iaitu domain intrapersonal, pengurusan stres dan adaptasi adalah berada pada tahap yang sederhana. Walau bagaimanapun, pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung seperti golongan pendidik, ibu bapa dan ramai lagi perlu memandang serius perkara ini dan melakukan sesuatu untuk meningkatkan lagi tahap kecerdasan emosi sosial pelajar. Hal ini kerana ia bukan sahaja memberi kesan terhadap perkembangan pelajar itu sendiri, bahkan juga membendung masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja pada masa kini. Pada masa yang sama, melahirkan generasi muda (Generasi Y) yang bijak pandai, mampu mengenal dan mengawal emosi dengan baik sekaligus menggarap hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang ingin melahirkan modal insan yang seimbang dan harmonis.

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) atas tajaan bagi geran FRG0433, kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah (JPNS) kerana telah meluluskan permohonan untuk menjalankan kajian serta sekolah-sekolah dan seterusnya kepada pelajar yang terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Abdul Adib Asnawi, Lailawati Madlan, & Agnis Sombuling. (2017). Penerimaan gaya keibubapaan dalam kalangan remaja dan kesannya terhadap perkembangan kecerdasan emosi. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 31(2), 78–89.
- Abdul Malek Rahman, Sidek Noah, Abdul Malek Karim, Wan Marzuki, Nabilah, Zulkifli, Joharry, Lihanna, Syed Mohamed Shafeq, Jamaludin, Sapon, Mohd Yusop, Mohd Taib, Munirah, Norlena, Ruhaibah, & Tajularipin. (2009). Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Remaja Malaysia. *Jurnal Bitara*, 2, 1–13.
- Astro Awani. (2015, April 20). Pelajar dakwa dibelasah senior sekolah agama di Pedang. Di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/pelajar-dakwa-dibelasah-senior-sekolah-agama-di-pendang-58219> dilawat pada 23 April 2015.
- Azizi Yahaya, & Yusof Boon. (2005). *Kecerdasan emosi dan hubungannya dengan pencapaian akademik dan tingkah laku pelajar*. Seminar Antarabangsa CESA Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak diterbitkan).
- Baltes, P. B., Reese, H. W., & Nesselroad, J. R. (1977). *Life-span development psychology: Research method in development psychology*. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Bar-On, R. (1997). *The emotional quotient inventory (EQ-I): Technical manual*. Toronto, Canada: Multi-Health Systems.
- Bar-On, R., & Parker, J. D. A. (2000). *The Bar-On emotional quotient inventory: Youth version (EQ-i:YV) technical manual*. Toronto, Canada: Multi-Health System.
- Bernama. (2014, Oktober 28). *Belasah junior: lapan pelajar MRSM Balik Pulau ditahan*. Di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/belasah-junior-lapan-pelajar-mrsm-balik-pulau-ditahan-47117> dilawat pada 23 April 2015.
- Cherniss, C., & Adler, M. (2000). *Promoting emotional intelligence in organizations*. Alexandria, VA: American Society for Training and Development (ASTD).
- Domitrovich, C. E., Cortes, R. C., & Greenberg, M. T. (2007). Improving Young Children's Social and Emotional Competence: A Randomized Trial of the Preschool "PATHS" Curriculum. *The Journal of Primary Prevention*, 28(2), 67–91.
- Entezar, K. R., Nooraini Othman, Azlina Mohd Kosnin, & Ghanbaripanah, A. (2013). The Influence of emotional intelligence on mental health among Iranian mothers of Mild Intellectually disabled children. *International Journal of Fundamental Psychology and Social Sciences*, 3(2), 12–15.
- Erasmus, C. P. (2007). *The role of emotional intelligence in the adaptation of adolescent boys in a private school*. (Doctoral Dissertation). University of South Africa, Pretoria.
- Goleman, D. (1995). *Emotional Intelligence*. New York: Bantam.
- Greenberg, L. (2008). Emotion and cognition in psychotherapy: The transforming power of affect. *Journal of Canadian Psychology*, 49(1), 49–59.
- Hamidah Sulaiman. (2013). *Hubungan antara kecerdasan emosi dengan gaya asuhan ibu bapa dalam kalangan remaja sekolah*. (Tesis Ijazah Doktor Falsafah). Universiti Malaya.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Portal Rasmi Kementerian Pelajaran*, di laman sesawang: <http://www.moe.gov.my> dilawat pada 2 Mac 2016.
- Liau, A. K., Liau, W. L., Teoh, G. B. S., & Liau, M. T. L. (2003). The case for emotional literacy: The influence of emotional intelligence on problem behaviours in Malaysian secondary school students. *Journal of Moral Education*, 32, 51–66.
- Maria Chong Abdullah, Lee, P. G., Samsilah Roslan, & Maznah Baba. (2015). *Emotional Intelligence and At-Risk Students*. Artikel Sage Open di laman sesawang: <http://sgo.sagepub.com/content/5/1/2158244> 014564768 dilawat pada 14 Mac 2016.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (2009). *Penyelidikan pendidikan* (7th ed.). Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhafandi Muhamad. (2015, Mei 12). *Kerana sidai tua, pelajar tingkatan 4 maut dibelasah rakan asrama*. Astro Awani, di laman sesawang: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerana-sidai-tua-pelajar-tingkatan-4-maut-dibelasah-rakan-asrama-59789> dilawat pada 23 April 2015.
- Homauni Masoumeh, Mariani Mansor, Siti Nor Yaacob, Mansor Abu Talib., & Sara, G. (2014). Emotional intelligence and aggression among adolescents in Tehran, Iran. *Life Science Journal*, 11(5), 506–511.
- Mayer, J. D., Perkins, D. M., Caruso, D. R., & Salovey, P. (2001). Emotional Intelligence and Giftedness. *Roeper Review*, 23(3), 131–137.
- Noriah Mohd. Ishak, Siti Rahaya Ariffin, Zuria Mahmud, Saemah Rahman, & Manisan Mohd. Ali. (2001). *Performance and Emotional Intelligence: A Correlational Study among Malaysia Adolescence*. Proceeding for International Learning Conference 2001, Speteses, Greece.
- Nelis, D., Quoidbach, J., Mikolajczak, M., & Hansenne, M. (2009). Increasing emotional intelligence: (How) it is possible? *Personality and Individual Difference*, 47, 36–41.
- Opat Rattanachot. (2014, Oktober 30). *Pelajar lelaki dakwa cedera angkara buli*. Utusan Online, di laman sesawang: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pelajar-lelaki-dakwa-cedera-angkara-buli-1.18507> dilawat pada 23 April 2015.
- Parker, J. D., Creque, R. E., Barnhart, D. L., Harris, J. I., Majeski, S. A., Wood, L. M., Bond, B. J., & Hogan, M. J. (2004). Academic achievement in high school: Does emotional intelligence matter? *Personality and Individual Differences*, 37, 1321–1331.
- Parker, J. D., Taylor, R. N., Eastabrook, J. M., Schell, S. L., & Wood, L. M. (2008). Problem gambling in adolescence: Relationships with internet misuse, gaming abuse and emotional intelligence. *Personality and Individual Differences*, 45(2), 174–180.
- Ruiz-Aranda, D., Sactillo, R., Salquero, J. M., Cabello, R., Fernandez-Berrocá, P., & Balluerka, N. (2012). Sort and midterm effects of emotional intelligence training

- on adolescent mental health. *Journal of adolescent health*, 51, 462–467.
- Saadi, Z. E., Honarmand, M. M., Najarian, B., Ahadi, H., & Askari, P. (2012). Evaluation of the effect of emotional intelligence training on reducing aggression in second year high school female students. *Journal of American Science*, 8, 209–212.
- Saemah Rahman, Noriah Mohd. Ishak, Zuria Mahmud, & Ruslin Amir. (2008). Indeks dan Profil Kecerdasan Emosi Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Teknologi*, 48: 187–202.
- Salovey, P., & Mayer, J. D. (1990). Emotional Intelligence. *Journal of Imagination, Cognition and Personality*, 9: 185–211.
- Siegling, A. B., Saklofske, D. H., & Petrides, K. V. (2014). Measures of ability and trait emotional intelligence. *Measures of Personality and Social Psychological Constructs*, 381–414.
- Trinidad, D. R., & Johnson, C. A. (2002). The Association between Emotional Intelligence and Early Adolescent Tobacco and Alcohol Use. *Personality and Individual Differences*, 32(1), 95–105.
- Utusan Malaysia. (2015, Februari 14). *Pelajar perempuan dakwa dibuli*. Utusan Online, di laman sesawang: <http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/pelajar-perempuan-dakwa-dibuli-1.59323> dilawat pada 23 April 2015.
- Weisinger, H. (1998). *Emotional intelligence at work*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Windingstand, S. M. (2009). *Do measures of emotional intelligence predict social acceptability?* (Doctoral Dissertations). University of Tennessee, Knoxville.
- Zirkel, S. (2000). Social intelligence: The development and maintenance of purposive behavior. In Bar-On, R., & Parker, J. D. A. (Eds.). *Handbook of emotional intelligence*. San Francisco: Jossey Bass.